

TPPA Sebagai Blok Binaan Menuju Perjanjian Perdagangan Bebas Asia-pasifik Apec Bernama
9 Oct, 2013
Satu Analisis Oleh Ahmad Fuad Yahya

NUSA DUA (BALI), 9 Okt (Bernama) -- Ketegasan Malaysia pada mesyuarat Para Pemimpin Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) di sini pada Selasa untuk tidak menjadi "Pak Turut" kepada semua kehendak dan syarat TPPA menunjukkan satu isyarat jelas bahawa Malaysia mahu menandatangani perjanjian itu mengikut terma dan syaratnya.

Ia sekali gus menjelaskan pendirian Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak untuk tidak sekali-kali mengorbankan kedaulatan negara dan kepentingan rakyat sebelum membuat sesuatu keputusan penting untuk masa depan negara.

Penganalisis ekonomi berpendapat bahawa penyertaan Malaysia dalam TPPA yang merangkumi 12 negara anggota Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (Apec), akan membawa lebih banyak kebaikan daripada keburukan sekiranya Malaysia bersetuju kepada TPPA berdasarkan terma dan syarat yang ditentukan Malaysia.

Ini disebabkan TPPA, kata mereka merupakan blok binaan dan platform kepada Perjanjian Perdagangan Bebas Asia-Pasifik (FTAAP) yang melibatkan 21 negara anggota Apec, dan pembabitian Malaysia pada peringkat awal perundingan TPPA ini memberi peluang kepada Malaysia untuk menetapkan syarat-syarat perjanjian, sesuai dengan kepentingan negara.

Jika Malaysia mengambil langkah meninggalkan perundingan TPPA pada peringkat ini, ia akan terlepas peluang itu dan apabila FTAAP terbentuk kelak, Malaysia akan terpaksa menerima peraturan, disiplin serta terma dan syarat yang telah ditentukan oleh negara-negara lain.

Kepentingan ini nampaknya telah dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya oleh Najib pada mesyuarat para pemimpin TPP di sini, selepas berakhirnya Sidang Kemuncak Apec ke-21.

"Kita masuk dengan kerelaan hati kerana kita merupakan sebuah negara perdagangan, antara yang terbesar di dunia, sebab itu kita ada kepentingan untuk masuk sebagai rakan TPPA dan berpeluang menentukan kerangka FTA yang baharu di dunia.

"Sebab ia kini dalam proses menulis peraturan perdagangan bebas pada masa depan, dan kalau Malaysia tak terlibat dalam proses itu, Malaysia tak ada peluang untuk memberi input dan pandangan kita untuk mencorakkan masa depan perdagangan bebas dunia," katanya Najib pada sidang akhbar selepas mesyuarat itu di sini.

Perdana Menteri menegaskan bahawa Malaysia pada masa ini ialah sebahagian daripada anggota yang ada hak untuk menetapkan terma dan syarat perjanjian itu, namun ia bukan berarti Malaysia akan menerima segala-galanya, "kita mesti terima TPPA" berdasarkan kepada kepentingan nasional kita".

Sehubungan itu kerajaan, kata Najib, akan menerangkan TPPA kepada rakyat dan membawanya ke Parlimen untuk perbahasan khas sebelum membuat keputusan bagi menandatangani TPPA sebagai proses domestik, dan tidak terikat dengan sesuatu tempoh masa yang ditentukan bagi memuktamadkan syarat-syarat itu, dan perkara itu difahami oleh 11 anggota lain dalam TPP.

Rundingan TPPA melibatkan 12 anggota iaitu Australia, Brunei, Kanada, Chile, Jepun, Malaysia, Mexico, New Zealand, Peru, Singapura, Amerika Syarikat dan Vietnam dan secara keseluruhannya ia mewakili pasaran besar seramai 800 juta penduduk, dengan gabungan keluaran negara kasar sebanyak US\$27.5 trilion (RM85.25 trilion).

Pemerhati ekonomi berpendapat pendirian Malaysia itu secara jelas menunjukkan bahawa negara itu tidak akan menandatangani TPPA sehingga semua syarat yang diperjuangkan Malaysia serta negara anggota perundingan yang lain, dipersetujui bersama.

Rundingan TPPA itu nampaknya telah menjadi sukar dan berlanjutan kerana Malaysia bertegas dengan syarat dan termannya untuk melindungi kepentingan negara dan rakyat, dan oleh itu negara tidak mahu diikat dengan sesuatu tarikh akhir untuk menandatangani TPPA dan akan terus berunding sehingga terma dan syarat Malaysia dapat dipersetujui bersama.

Dalam erti kata lain pendirian ini menunjukkan bahawa Malaysia tidak akan menggadaikan kedaulatan negara dan kepentingan rakyat semata-mata hanya kerana ia merupakan satu perjanjian.

Malaysia tidak ada masalah dengan skop perjanjian TPPA yang meliputi unsur-unsur FTA tradisional namun mempunyai kebimbangan apabila wujud elemen baharu yang dimasukkan seperti persaingan, buruh, alam sekitar, pemerolehan kerajaan dan hak harta intelek (IPR).

Dalam bidang pemerolehan kerajaan, Malaysia sedang berunding secara berhati-hati dengan mengambil kira maklum balas pihak berkepentingan, dan kebimbangan itu bertumpu kepada soal perlindungan terhadap perusahaan tempatan dan masyarakat perindustrian dan komersil Bumiputera.

Bidang IPR merupakan satu lagi kebimbangan Malaysia kerana ia berkisar mengenai persoalan ubat-ubatan dan penjagaan kesihatan yang mampu dibeli oleh rakyat, dan para perunding Malaysia difahamkan akan terus berunding sehingga syarat itu dapat memberi faedah kepada rakyat Malaysia untuk terus menikmati ubat-ubatan dan penjagaan kesihatan pada harga termampu.

Berhubung pandangan bahawa TPPA akan menjadi satu penjajahan baharu Amerika Syarikat, kerajaan jelas menegaskan bahawa ia tidak akan menerima apa juga bentuk penjajahan ke atas Malaysia sebagai negara berdaulat memandangkan prinsip dan pendiriannya ialah mengutamakan kedaulatan negara atas prinsip perlembagaan yang dijunjung.

Perkara itu tidak harus dibimbangkan memandangkan rundingan TPPA adalah berasaskan kepada ketetapan 'tiada persetujuan sehingga semua dipersetujui'.

Ditinjau dari sudut kerugian Malaysia jika ia tidak menyertai TPPA, satu daripada perkara yang akan berlaku ialah Malaysia akan hilang pasaran untuk barangan keluaran perusahaan kecil dan sederhana dan syarikat tempatan yang mengeluarkan minyak kelapa sawit, getah dan sebagainya di pasaran antarabangsa, sedangkan ia sangat diperlukan negara berikutan pasaran domestik hanya terhad kepada 29 juta penduduk.

Tanpa TPPA, Malaysia juga akan hilang akses mudah kepada perkongsian pintar dari segi inovasi dan teknologi baharu dengan negara anggota TPP.

Satu lagi kerugian Malaysia jika tidak menjadi anggota TTP ialah pelabur asing dari negara seperti Amerika Syarikat dan Kanada mungkin akan tertumpu kepada negara TPP yang menyertai mereka seperti Vietnam, dan Malaysia akhirnya akan terpinggir dari blok perdagangan ini.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=984264>